



**UNTUK SIARAN  
SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

### **AGM LULUS DIVIDEN AKHIR GLOMAC SEBANYAK 1.25 SEN UNTUK TK24**

BAKAL MELANCARKAN PRODUK BAHARU BERNILAI HAMPIR RM60 JUTA DALAM TK24

**Kuala Lumpur, 23 Oktober 2024** – Glomac Berhad (“Glomac atau Kumpulan”), salah satu pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah bagi pelbagai pembangunan hartanah di Kuala Lumpur Raya, Selangor dan Johor, dengan sukacitanya mengumumkan pemuktamadan Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke-40 yang diadakan hari ini. Pada mesyuarat tersebut, pemegang saham Glomac Berhad telah meluluskan dividen peringkat tunggal sebanyak 1.25 sen sesaham biasa untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 April 2024 (“TK24”). Ini diterjemahkan kepada hasil dividen kira-kira 3.1% (berdasarkan harga penutupan 40 sen pada 30 April 2023).

Pada TK24, Kumpulan mencatat pendapatan sebanyak RM267.6 juta. Pertumbuhan yang lebih kukuh ini disumbang terutamanya oleh aktiviti pembinaan berterusan, termasuk projek-projek pembangunan di perbandaran Saujana KLIA, Bandar Saujana Utama and Saujana Perdana, serta Plaza@Kelana Jaya dan 121 Residences, dua pembangunan kediaman bertingkat tinggi di daerah Petaling Jaya. Kumpulan turut mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM32.9 juta dan keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat (“PATMI”) sebanyak RM23.6 juta.

Glomac merekodkan jualan pada TK24 yang memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 19% kepada RM360 juta berbanding RM302 juta pada tahun lalu. Peningkatan jualan baharu dipacu sebahagian besarnya oleh kejayaan sambutan tinggi terhadap kediaman perbandaran di Lakeside Residences, Saujana Perdana dan Saujana KLIA, serta Plaza@Kelana Jaya dan 121 Residences. Jualan belum dibil direkod kekal kukuh pada RM504 juta pada akhir April 2024, memperlihatkan potensi pendapatan jangka pendek yang sihat.

Kedudukan kewangan Glomac terus menunjukkan perkembangan yang mapan dengan pengedaran bersih sebanyak 0.07 kali berbanding dana pemegang saham berjumlah RM1,240.7 juta. Setakat 30 April 2024, wang tunai dan baki bank meningkat kepada RM314.3 juta berbanding RM288.8 juta pada tahun lepas. Aset bersih sesaham yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat meningkat kepada RM1.57 sesaham pada TK24, berbanding RM1.53 sesaham pada tahun sebelumnya.

### **Perancangan Masa Hadapan**

Glomac bersedia untuk memacu jualan hartanah dengan rangkaian produk baharu yang kukuh, merangkumi pelbagai jenis hartanah kediaman dan komersial untuk tahun kewangan semasa. Hampir RM460 juta nilai produk baharu telah diperuntukkan untuk dilancarkan pada FY2025. Pelancaran yang dirancang untuk FY2025 akan menampilkan fasa baru rumah dua tingkat dalam pembangunan bandar yang ditubuhkan oleh Glomac, termasuk Serai@SBCR, Saujana KLIA dan Saujana Jaya di Kulai Johor. Perlu dinyatakan, Kumpulan baru-baru ini telah melancarkan fasa pertama rumah teres dua tingkat di Serai@SBCR, Bandar Saujana Utama pada akhir Ogos 2024, dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") sebanyak RM66 juta. Projek ini didapati telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan permintaan pendaftaran yang tinggi.

Pada masa yang sama, Glomac dengan sukacitanya ingin mengumumkan penubuhan Program Sukuk Wakalah berjumlah sehingga RM3.0 bilion. Hasil daripada Program ini akan digunakan untuk tujuan pemerolehan tanah, keperluan modal kerja, pembiayaan semula pinjaman patuh Syariah yang sedia ada dan mendiversifikasikan operasi Syarikat dalam bidang-bidang bersinergi dengan perniagaan teras Kumpulan. Ketika ini, ianya di dalam proses memenuhi syarat-syarat pendahuluan untuk terbitan pertama yang bernilai sehingga RM250.0 juta di bawah Program Sukuk Wakalah.

Disokong oleh penyata kewangan yang kukuh dan rizab modal yang besar, Glomac kini bersedia untuk memacu aktiviti pembangunannya dan mempunyai keupayaan untuk merebut peluang yang berkaitan apabila ianya muncul. Glomac memiliki portfolio yang kukuh beserta lokasi simpanan tanah (*landbanks*) yang strategik serta bernilai tinggi, dengan anggaran GDV sekitar RM7 bilion, memperteguh kedudukan Kumpulan untuk meneruskan projek-projek pembangunan pada masa hadapan.

**GLOMAC BERHAD**  
**23 Oktober 2024**

**Bagi pertanyaan lanjut:**

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

[gccm@glomac.com.my](mailto:gccm@glomac.com.my)

---

**Mengenai Glomac Berhad**

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (*highrise*), atas tanah (*landed*) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik bagi tujuan kediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.